



JUHAR menandatangani
plak perasmian Bangunan
Yayasan UMS dan
Auditorium YTL.

Para ilmuwan harap manfaat

Bangunan Yayasan UMS - Yeoh

DE 26/11/2011 6

KOTA KINABALU: Datuk Juhar Mahiruddin pada pagi Jumaat merasmikan Bangunan Yayasan UMS dan Auditorium YTL di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS, Datuk Dr. Kamaruzaman berkata, Yayasan UMS bergantung kepada sumbangan awam untuk membina bangunan korporatnya sendiri.

Sehubungan itu, RM3 juta dana bagi menyempurnakan bangunan Yayasan UMS disumbangkan oleh Pro Canselor UMS, Dr Yeoh Tiong Lay.

Yeoh berharap bangunan tersebut akan dimanfaatkan oleh para ilmuwan dan pelajar sebagai sebuah tempat berbahas, serta mencetuskan idea-idea baru mengikut bidang dan kepakaran masing-masing.

Sementara itu, Yeoh turut menyumbangkan RM1 juta kepada Yayasan UMS untuk diperuntukkan sebagai biasiswa khas kepada para pelajar ijazah lanjutan atau pelajar pasca siswazah.

Seramai 27 pelajar pasca siswazah dan 17 kakitangan akademik mendapat

faedah daripada tajaan melalui tabung biasiswa Yayasan UMS dan biasiswa YTL.

Kamaruzaman berkata, selain daripada penajaan biasiswa, Yayasan UMS juga terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang menyumbang kepada pembangunan dan manfaat masyarakat secara langsung.

Antaranya ialah projek yang sedang diselenggarakan dan diusahakan melalui Projek Pengkulturan Rumpai Laut Secara Estet Mini.

"Projek ini merupakan satu permutaan yang sangat baik bagi tujuan tersebut, kerana ia dilaksanakan atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak PEMANDU di Jabatan Perdana Menteri, terhadap inovasi dan cadangan yang dikemukakan oleh para penyelidik Universiti ini," tambah beliau.

"Projek ini memenangi pingat emas dalam ITEX dan BioMalaysia peringkat kebangsaan pada 2010 dan peringkat dunia di SIIFF, Korea pada 2010 dan juga IENA, Germany baru-baru ini."

Kamaruzaman berkata, melalui projek ini, enam reka cipta hasil inovasi para penyelidik dapat didaftarkan patennya.